

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (KANVAS TN50)

TARIKH: 02 MAC 2018

MUKA SURAT: 13

Ganjaran aktiviti kitar semula

Kuala Lumpur: Individu yang melaksanakan kitar semula wajar diberi menerima ganjaran, sama ada dalam bentuk mata, hadiah atau wang tunai.

Itu adalah satu daripada 2,000 aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang disampaikan golongan belia kepada kerajaan dalam usaha melindungi alam sekitar menjelang 30 tahun akan datang.

Menerusi cadangan dibentangkan dalam Kanvas Belia TN50 itu, golongan belia mencadangkan kios layan diri diletakkan di kawasan

awam seperti pusat beli belah bagi membolehkan mana-mana individu mengitar semula dan memperoleh ganjaran segera.

Aspirasi lain termasuklah menjadikan perlindungan alam sekitar sebagai dasar utama kerajaan, manakala syarikat swasta melabur dalam teknologi mesra alam.

Amal indeks Ekonomi Donat

Belia juga beraspirasi Malaysia menjadi negara neutral karbon, sifar penebangan hutan semula jadi, sifar kehilangan spesies asas dan terancam serta menjadi pe-

mimpin serantau dalam perlindungan marin.

Cadangan lain, Malaysia mengamalkan indeks Ekonomi Donat bagi menyeimbangkan pembangunan dan kelestarian alam sekitar, disokong pelaksanaan mekanisme pembayaran bagi setiap kesan pencemaran atau impak degradasi.

Aspek perundangan perlu ditambah baik, khususnya membatalkan pertindihan dan konflik bidang kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri, antaranya dalam aspek pengurusan perikanan dan biodiversiti marin.



[FOTO HIASAN]

Kempen kitar semula perlu dijalankan dengan lebih agresif demi memulihara alam sekitar.